



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PEMAKLUMAN OPERASI MAHKAMAH SEMASA
PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4**

Selaras dengan pengumuman berkenaan Pelan Pemulihan Negara Fasa 4, dimaklumkan bahawa YAA Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat, Ketua Hakim Negara telah mengarahkan agar Mahkamah di negeri-negeri yang telah dan akan memasuki Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 akan beroperasi sepenuhnya tertakluk kepada pematuhan yang ketat terhadap Tatacara Operasi Standard Pencegahan Wabak COVID-19 di Mahkamah Seluruh Malaysia (SOP) yang dikeluarkan oleh Pejabat ini pada 27 Januari 2021 serta apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara dari semasa ke semasa.

Badan Kehakiman Malaysia sentiasa komited dalam memastikan pelaksanaan penyampaian perkhidmatan keadilan diteruskan, namun pada masa yang sama akan memastikan segala garis panduan keselamatan dan kesihatan yang dikeluarkan sentiasa dipatuhi bagi mencegah penularan wabak COVID-19 semasa menjalankan operasi Mahkamah.

Sekiranya mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara ini bolehlah menghubungi talian/emel berikut:

Bahagian Komunikasi Korporat
Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan
03-8880 4607 / 3663 (pejabat)
komunikasikorporat@kehakiman.gov.my

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 24 September 2021